

## 1022- RUKHSAH IBADAH SOLAT DAN PRASARANA PUSAT HEMODIALISIS MESRA IBADAH : SATU PENELITIAN KAJIAN KUALITATIF.

**SHARIFAH BINTI HAMZAH**

Fakulti Pengurusan Pendidikan & Kemanusiaan  
Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI)  
[sharifah@ucmi.edu.my](mailto:sharifah@ucmi.edu.my)

**NORHANAZA BINTI MOHD YUNOS**

Fakulti Kejururawatan  
Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI)  
[norhanaza@ucmi.edu.my](mailto:norhanaza@ucmi.edu.my)

### ABSTRAK

*Pusat Hemodialisis mesra ibadah merupakan satu keperluan yang wajib dipenuhi bagi membantu pesakit dan perawat ketika melaksanakan ibadah seharian ketika mendapatkan perkhidmatan pusat hemodialysis. Islam amat menitikberatkan ibadah yang perlu dilaksanakan oleh individu muslim walaupun dalam pelbagai situasi. Prasarana yang disediakan oleh pihak pusat hemodialysis dapat membantu meringankan beban kakitangan dan pesakit ketika menerima rawatan. Kajian yang dilaksanakan ini bagi melihat peranan pusat hemodialysis ini dalam mencapai matlamat mesra ibadah ketika menyampaikan khidmat kepada pesakit. Bagi mencapai matlamat ini kajian yang telah dilaksanakan ini menggunakan penelitian reka bentuk kajian kualitatif. Data-data telah melalui proses analisis kandungan dan temu bual separa berstruktur. Protocol temu bual telah mendapat kesahan melalui semakan pakar dan telah mencapai nilai kepercayaan  $K = 0.857$  iaitu melebihi 0.75 yang menunjukkan persetujuan yang konsisten dan kuat. Peserta kajian terdiri daripada perawat dan kakitangan di pusat hemodialysis. Hasil dapatan kajian menunjukkan pusat hemodialysis menyediakan keperluan prasarana mesra ibadah seperti botol spray wudhu dan debu tayamum namun begitu ruang untuk solat sangat terhad kepada kakitangan dan pesakit yang menunggu giliran mendapatkan rawatan sehingga menyukarkan kakitangan dan pesakit. Rukhsah ibadah juga tidak digunakan sepenuhnya kerana tidak semua kakitangan memahami konsep rukhsah ibadah dalam keadaan yang dibenarkan oleh Islam.*

**Kata Kunci :** Pusat Hemodialisis, mesra ibadah, rukhsah ibadah, penelitian kualitatif, prasarana

### PENGENALAN

Hemodialysis mesra ibadah merupakan pusat rawatan yang memberi khidmat keperawatan kepada pesakit setiap hari. Amalan mesra ibadah yang dijalankan mampu merawat rohani dan jasmani pesakit yang mempunyai pelbagai latar belakang kehidupan. Kajian ini melihat pembentukan hemodialisis mesra ibadah yang dijalankan di salah sebuah Pusat Hemodialisis yang beridentiti Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hemodialisis mesra ibadah sangat membantu pesakit dalam melaksanakan ibadah ketika mereka berada di pusat hemodialisis bagi menerima rawatan dialisis. Hal ini sejajar dengan firman Allah SWT yang bermaksud :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.  
(Al zhdhariat : ayat 56)

Melalui ayat ini jelaslah bahawa penciptaan manusia adalah untuk menyembah dan beribadah kepada Allah SWT dalam semua aspek kehidupan. Namun begitu Islam turut meraikan situasi dan keadaan setiap individu muslim dalam melaksanakan amal ibadah bersesuaian dengan keadaan individu tersebut (Yusof Qaradhawi 1978). Ini menjelaskan bahawa ibadah

wajib seperti solat perlu dilaksanakan dalam semua keadaan sebagai tanda ubudiyah seorang hamba kepada Penciptanya. Oleh itu rukhsah ibadah solat merupakan hadiah kurniaan Allah SWT bagi memudahkan individu muslim untuk mendekati diri kepada Allah SWT dalam pelbagai keadaan.

Pusat hemodialysis mesra ibadah sangat diperlukan bagi membantu pesakit dan kakitangan ketika menjalankan tugas. Prasarana mesra ibadah juga memainkan peranannya yang tersendiri dalam membantu pesakit dan kakitangan bagi melaksanakan ibadah ketika menerima rawatan dan memberi rawatan kepada pesakit. Konsep mesra ibadah memberikan keselesaan kepada petugas dan pesakit seterusnya membantu dalam proses kesembuhan buat pesakit yang menerima rawatan di pusat hemodialysis (Zakiah Jamaludin 2001 & Hamzah Jusoh et.al 2009) kajian ini menilai amalan ibadah bagi kakitangan dan pesakit di hemodialysis seterusnya prasarana yang disediakan bagi mencapai matlamat pembentukan hemodialisis mesra ibadah.

## METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan maklumat yang disampaikan oleh informan kajian. Kaedah kajian kes digunakan bagi mendapatkan fenomena atau keadaan sebenar yang berlaku di Pusat Hemodialisis. Analisis kandungan, analisis dokumen dan temubual separa berstruktur telah digunakan untuk mengumpul data. Bagi kaedah temubual, satu set protokol temu bual telah di bina dan melalui proses pengesahan pakar. Instrument cohen kappa digunakan bagi mendapatkan validity pada soalan kajian (Corrine Glesne, 1999, Burn, 1995 & Ahmad Munawar et.al 2012). Nilai persetujuan daripada semua pakar adalah 0.875 yang menunjukkan bahawa tahap persetujuan sangat tinggi. Berikut adalah formula yang dicadangkan oleh Yin (1994) iaitu seperti berikut :

$$(fa-fc)/(N-fc)$$

fa = kekerapan persetujuan penilai

fc = kekerapan kebarangkalian

N = jumlah item

Nilai Kappa	Skala Persetujuan
Bawah 0.00	Sangat Lemah
0.00 - 0.20	Lemah
0.21- 0.40	Sederhana Lemah
0.41- 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat Baik

Jadual 1 : Skala Penilaian Cohen Kappa

Jumlah nilai persetujuan Cohen Kappa yang merujuk kepada 0.81-1.00 menunjukkan bahawa soalan yang disediakan memenuhi validiti kajian yang telah disediakan.

Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan kerana ia terletak di pertengahan antara kaedah temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Penyelidik menyoal menggunakan soalan formal yang telah di bina sebelum sesi temubual, namun penyelidik bebas untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan yang telah diberikan oleh informan kajian (Chua Yan Piaw 2011, Othman Lebar 2015). Penyelidik juga menggunakan analisis kandungan sebagai salah satu kaedah mendapatkan data menggunakan Al-quran, hadis dan kitab-kitab

thurat yang berkaitan dengan subjek kajian. Penyelidik juga menggunakan kajian-kajian lepas sebagai rujukan dalam menghasilkan kajian ini.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Amalan Ibadah Ketika Sakit**

Amalan ibadah merupakan satu jalan menuju keredaan Allah SWT yang wajib dilaksanakan oleh semua individu muslim dalam apa juga situasi dan keadaan. Ibadah solat mengandungi kaedah khas serta rukun dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi menyempurnakan ibadah yang dilaksanakan. Namun begitu terdapat situasi yang membenarkan individu muslim untuk menggunakan rukhsah sebagai alternative kepada masalah atau ujian yang dilalui dalam kehidupan seharian. Rukhsah merupakan keringanan yang dibenarkan oleh Allah SWT dalam melaksanakan ibadah wajib yang dipertanggungjawabkan ke atas individu mukmin yang mukallaf, apabila berlaku keuzuran yang tidak dapat dielakkan (Sayyid Sabiq, 1999 & Yusof Qaradhawi 1978 ).

Bagi pesakit dialysis, Islam membenarkan rukhsah ibadah solat mengikut kadar kemampuan pesakit dalam melaksanakannya ketika berada di pusat hemodialysis seperti solat dalam keadaan duduk atau baring. Hal ini berdasarkan kemampuan dan keadaan pesakit ketika mendapatkan rawatan. Manakala wuduk pula mengikut kemampuan dan keadaan mereka samada menggunakan air ataupun tayamum. Oleh itu pusat hemodialysis mesra ibadah hendaklah menyediakan prasarana yang lengkap agar dapat membantu pesakit dan kakitangan dalam melaksanakan ibadah wajib dalam menyampaikan khidmat perawatan kepada pesakit (Sharifah, 2017, Jabatan Mufti Negeri Melaka 2012). Kelengkapan rukhsah ibadah yang disediakan serta ilmu pengetahuan yang diberikan oleh kakitangan di pusat hemodialysis mampu menarik minat pesakit hemodialysis untuk melaksanakan ibadah solat ketika sedang menerima rawatan. Namun begitu terdapat pusat hemodialysis yang tidak memenuhi piawai mesra ibadah dan seterusnya menyebabkan pesakit tidak melaksanakan ibadah ketika menerima rawatan di pusat hemodialysis. Hal ini menyebabkan pesakit serta kakitangan tidak melaksanakan ibadah solat ketika sakit dan ketika melaksanakan tugas sebagai kakitangan pusat hemodialysis.

Rukhsah ibadah merangkumi penyediaan kelengkapan prasarana untuk pesakit mendirikan solat ketika berada di pusat hemodialysis. Sebagai contoh penyediaan botol spray untuk memudahkan kakitangan membantu pesakit berwudhu ketika sedang mendapatkan rawatan, debu tayammum bagi memudahkan pesakit melaksanakan ibadah dalam semua situasi. Rukhsah yang diberikan oleh Islam memudahkan kakitangan pusat hemodialysis dan pesakit dalam melaksanakan ibadah solat yang merupakan kewajipan umat Islam dan wajib dilaksanakan dalam semua situasi dan keadaan (Aminudin Che Ahmad 2013, D.Nuzum et.al 2020). Namun begitu terdapat juga pusat hemodialysis yang tidak menyediakan kelengkapan ini dan kakitangan juga mempunyai pengetahuan yang rendah terhadap apa yang disediakan oleh Islam bagi membantu masyarakat secara umumnya.

Selain daripada rukhsah ibadah solat, pesakit juga boleh mengamalkan zikir-zikir tertentu dan doa-doa tertentu ketika sedang menerima rawatan di pusat hemodialysis ini. Pusat hemodialysis juga boleh memasang alunan ayat al quran atau zikir bagi halwa telinga pesakit sewaktu menerima rawatan, selain menenangkan ianya juga boleh membawa pesakit dan kakitangan untuk sama-sama mengingati Allah SWT dalam semua situasi dan keadaan. Hal ini secara tidak langsung memberi terapi dan memudahkan proses kesembuhan buat pesakit

dalam menerima rawatan. Alunan ayat suci al quran ini dapat memberi ketenangan kepada pesakit dan kakitangan pusat hemodialysis ketika menerima rawatan dan menyampaikan rawatan bagi petugas (Harmy Mohdamed Yusof 2013 & Norazliza Hasbullah 2011).

Terdapat juga pesakit yang tidak mengetahui cara melaksanakan ibadah solat ketika sakit. Hal ini kerana pesakit tidak mahu menunaikan ibadah solat menerima rawatan dengan pelbagai alasan atau lebih selesa meninggalkan ibadah solat tanpa ada rasa bersalah. Namun begitu perkara ini dapat diatasi dengan maklumat ataupun ilmu yang diperolehi oleh kakitangan pusat hemodialysis seterusnya dapat mendidik pesakit dengan ilmu mesra ibadah. Ilmu ini sangat penting bagi membawa pesakit kepada Allah SWT walaupun ketika sedang sakit. Hal ini seperti sejajar dengan pandangan (Norasikin Mohamad Shariff 2021 & Jan Gremell 2020) bahawa pendidikan konsep mesra ibadah sangat penting dalam membantu pesakit serta kakitangan melaksanakan ibadah solat dalam semua situasi.

Pengetahuan kakitangan terhadap hemodialysis mesra ibadah secara tidak langsung mampu membantu pesakit melaksanakan ibadah ketika sakit tanpa sebarang halangan serta yakin dengan rukhsah ibadah yang Allah SWT berikan kepada hambaNya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al Maidah ayat 6 yang bermaksud :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِمَّا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِّنْ حَرَجٍ وَلَٰكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُنِيمَ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ٦

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapulah sebahagian dari kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali dan jika kamu berjunub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah (debu) yang bersih, iaitu: Sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur (Al Maidah : 6).

Melalui ayat ini jelas menunjukkan bahawa Islam meletakkan keringanan yang memudahkan umat Islam melaksanakan ibadah solat mengikut situasi mereka namun masih terdapat segelintir daripada pesakit mengabaikan keringanan ini. Hal ini berikutan ilmu pengetahuan mereka terhadap rukhsah ibadah sangat terhad dan kurang mengambil berat akan ibadah solat walaupun dalam situasi sakit. Begitu juga terdapat segelintir kakitangan pusat hemodialysis yang tidak mengetahui rukhsah ibadah solat ketika menyampaikan perkhidmatan kepada pesakit dan bagi kakitangan yang menjalankan tugas boleh melakukan keringanan ibadah mengikut situasi dan kecemasan yang mereka alami. Perkara ini dapat diatasi seandainya kakitangan diberikan ilmu pengetahuan yang sepatutnya mereka mampu membantu pesakit untuk melaksanakan ibadah ketika sakit dan memudahkan proses penyembuhan pesakit.

Pusat hemodialysis juga perlu menempatkan pegawai hal ehwal Islam bagi membantu kakitangan perawatan dalam menyampaikan khidmat mesra ibadah ketika pesakit memerlukannya. Pegawai hal ehwal Islam ini bertanggungjawab mengajar pesakit cara menunaikan ibadah solat ketika sakit dan membantu semua situasi pesakit ketika sakaratul

maut di pusat hemodialysis. Penempatan pegawai hal ehwal Islam ini dapat membantu melancarkan semua urusan di pusat hemodialysis dan mendidik pesakit melalui khidmat rawatan yang disampaikan. Peranan pegawai hal ehwal Islam sangat membantu kakitangan hemodialysis dalam menyampaikan perkhidmatan mesra ibadah( Nizaita Omar 2004 , Surina Mohd Shafi et.al 2020, Wahiba Abu-Ras et.al 2011) .

### **Prasarana Hemodialisis**

Prasarana pusat hemodialysis mesra ibadah memainkan peranannya yang tersendiri dalam pembentukan hemodialysis mesra ibadah. Ruang yang luas dan memenuhi piawaian mesra ibadah sangat diperlukan bagi menghasilkan prasarana mesra ibadah. Prasarana ini terdiri daripada penyediaan surau serta debu tayamum bagi pesakit yang tidak boleh menggunakan air ketika mendapatkan rawatan dialysis, botol semburan wudhu bagi memudahkan pesakit untuk mengambil wudhu ketika menerima rawatan, telekung yang bersih juga diperlukan bagi keselesaan pesakit. Ruangan menunggu yang selesa dan ruangan solat bagi pesakit yang menunggu untuk mendapatkan rawatan (Ahmad Puhad Alim et.al 2010). Ruangan ini bukan hanya untuk pesakit bahkan untuk keselesaan ahli keluarga pesakit yang menemani pesakit ketika mendapatkan rawatan.

Ruangan yang selesa akan memudahkan pesakit dan waris untuk menunaikan ibadah solat dimana sahaja mereka berada. Penyediaan tandas yang mesra pesakit serta berhampiran dengan tempat pesakit menerima rawatan, ini bagi memudahkan pesakit dalam semua hal. Kemudahan buku panduan ibadah buat pesakit juga akan membantu pesakit melaksanakan ibadah ketika sakit, selain itu kemudahan al quran, al mathurat dan manzil juga dapat membantu pesakit tenang ketika menerima rawatan kerana dapat membaca sumber yang disediakan ini. Selain daripada itu televisyen juga memainkan peranannya yang tersendiri iaitu pesakit dapat mengetahui rukhsah melaksanakan ibadah solat ketika sakit melalui paparan skrin yang dimainkan apabila masuknya waktu solat disamping laungan azan juga dapat disiarkan setiap kali masuknya waktu solat (Zakiah Jamaludin 2001). Namun begitu tidak semua pusat hemodialysis menyediakan kemudahan ini kerana ruang yang terhad dan lain-lain keadaan sehingga menyebabkan prasarana ini tidak dapat disediakan.

Prasarana pusat hemodialysis ini juga bukan hanya tertakluk kepada perkakasan yang disediakan malahan ruangan menunggu, dan ruangan solat yang selesa dan kondusif juga sangat diperlukan oleh pesakit dan kakitangan pusat hemodialysis. Penyediaan prasarana yang memenuhi piawaian mesra ibadah sangat membantu proses kesembuhan pesakit serta dapat memberi keselesaan kepada semua. Persekitaran yang bersih dan kondusif juga sangat penting bagi sesebuah premis yang menyampaikan khidmat perawatan, ini kerana keadaan sekeliling yang selesa memberi kesan dalam penyembuhan penyakit (Hamzah Jusoh et.al 2009). Oleh itu jelas disini bahawa prasarana premis pusat hemodialysis memainkan peranannya yang tersendiri dalam membangunkan hemodialysis mesra ibadah serta membantu proses kesembuhan pesakit. Hemodialysis yang kondusif , selesa serta mempunyai semua kelengkapan prasarana mesra ibadah amat membantu kakitangan dan pesakit ketika mendapatkan rawatan.

### **ANALISIS HASIL DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Secara keseluruhan, analisa dapatan kajian ini terhadap pelaksanaan pusat hemodialisis mesra ibadah di salah sebuah pusat hemodialysis beridentiti Islam di Wilayah Persekutuan Kuala



Lumpur adalah lemah dan perlu kepada penambahbaikan. Peserta temu bual terdiri daripada kakitangan hemodialysis yang telah berkhidmat sekitar empat ke sebelas tahun yang terdiri daripada tiga orang perempuan dan dua orang lelaki, dan jumlah pesakit yang menggunakan perkhidmatan dialysis disini seramai 120 orang pesakit yang meyoritinya adalah asnaf menggunakan khidmat baitulmal untuk membayar kos rawatan disitu. Kakitangan hemodialysis meyoriti tidak mengingatkan pesakit untuk melaksanakan ibadah solat hal ini kerana terdapat televisyen disediakan untuk mengingatkan pesakit akan masuknya waktu solat.

Contoh petikan temu bual yang berkaitan hal ini boleh dilihat seperti contoh di bawah;

*“...tidak kakitangan tidak mengingatkan pesakit masuknya waktu solat, dan petugas yang solat pun kurang daripada 10 orang”.*

*“...masa buat rawatan TV on dan azan akan berkumandang apabila masuknya waktu solat, Cuma staff tidak ingatkan pesakit untuk solat tapi ada pesakit yang ada wuduk, dia akan solat. Biasanya yang selalu solat kita akan tanya untuk bantu dia solat”.*

*“.. selalunya kalau pesakit selalu solat ketika dialysis kita akan ingatkan untuk solat dan pesakit yang tidak solat ( tidak pernah lakukan ibadah solat ketika sedang dialysis) kita takkan ingatkan. Kakitangan takut dengan pesakit yang sound dan pesakit cakap mereka akan qadho' je solat tersebut dekat rumah”.*

Hasil dapatan ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh (Nizaita Omar 2004,& Norasikin et.al 2021) terdapat pesakit yang tidak menunaikan ibadah solat ketika menerima rawatan di pusat perubatan. Namun begitu sekiranya pihak pengurusan pusat hemodialysis meletakkan satu garis panduan kepada kakitangan akan memudahkan mereka untuk menyampaikan perkhidmatan mesra ibadah. Hal ini penting bagi membantu proses penyembuhan penyakit dan pesakit akan lebih tenang.

Seterusnya terdapat mekanisme mesra ibadah yang disediakan oleh pusat hemodialysis “ ... Kakitangan telah didedahkan pada latihan Mesra Ibadah sebelum berlakunya pandemik covid-19, tapi latihan tu sekali je. Selepas itu tiada lagi. Alatan seperti spray wudhu, debu tayamum semua telah disediakan. Terdapat juga di kalangan staff yang tidak solat ketika bertugas”, Tempoh jarak latihan mesra ibadah yang agak lama tanpa ulangan akan membuatkan kakitangan mulai melupakan tanggungjawab mereka untuk menyampaikan maklumat dan membantu pesakit dalam menunaikan ibadah solat. Dapatan ini sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh (Hazliza hasbullah 2012 & Surina Mohd Shafi et.al 2021) kakitangan perlu ditambah nilai keilmuan dengan latihan yang berterusan serta dipantau tahap kefahaman mereka.

Seterusnya berkaitan pelaksanaan seminar mesra ibadah atau bengkel yang seumpamanya untuk meningkatkan ilmu kakitangan diadakan oleh pusat hemodialysis dan contoh dapatan kajian ini adalah, *“Seminar Hemodialisis Mesra Ibadah pernah diadakan sekali dalam dua tahun yang lepas. Lepas tu xde dah seminar wajib dihadiri oleh semua staff, saya mencadangkan agar ada pegawai agama tidak kisahlah kalo boleh berkongsi untuk 3 cawangan yang lain. Ini kerana terdapat pesakit yang depress (murung) jadi pegawai agama atau chaplain boleh bagi nasihat dan support mengikut saranan agama”.* Dapatan ini sejajar dengan kajian sebelum ini ( Nizaita Omar 2004, Hasliza Hasbullah 2012, Surina Mohd Shafi et.al 2021) yang menjelaskan bahawa penting adanya pegawai hal ehwal agama Islam yang mempunyai jumlah pesakit yang agak ramai, kerana masalah kemurungan bukan lagi perkara baru bagi pesakit buah pinggang, dengan adanya pegawai hal ehwal agama Islam mampu

membantu pesakit untuk melaksanakan ibadah solat ketika menerima rawatan dan dapat menjadi tempat rujukan bagi kakitangan dan pesakit ketika di pusat hemodialysis. Dapatan ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh (Norasikin Mohamad Shariff 2021) Yang menekankan kepentingan chaplain Muslim atau pegawai hal ehwal agama Islam di pusat hemodialysis bagi membantu ibadah pesakit.

Seterusnya jawapan yang diberikan oleh informan kajian menyatakan “*Pengurusan ibadah pesakit termasuklah mengingatkan pesakit akan masuknya waktu solat dan menerangkan kaedah pelaksanaan buat masa ni kita tidak ingatkan pesakit. Pesakit yang solat dia tau masuknya waktu, tidak terjadi untuk jamak solat bagi staff sebab boleh gilir-gilir walaupun pada waktu pendek ketika memberi rawatan*”. Dapatan ini sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh (D. Nuzum et.al 2020) ada pesakit yang tahu berkaitan agama namun ada yang memerlukan bimbingan daripada kakitangan untuk membantu bagi melancarkan proses.

Manakala penyediaan prasarana hemodialysis mesra ibadah juga memainkan peranan tersendiri namun jawapan daripada informan kajian adalah seperti berikut;...”*prasarana Tidak ada surau disediakan, Cuma kita olah ruang sedia ada untuk dijadikan surau untuk staf dan pesakit. Ruangan ini juga berkongsi antara lelaki dan perempuan menggunakannya mengikut giliran. Ruangan ini hanya 2 orang boleh masuk dalam satu waktu, jadi agak sukar bagi waktu solat yang singkat seperti magrib dan subuh*”.

“...*Surau tidak ada tapi ada ruangan solat iaitu bilik doktor yang diubahsuai. Jika ada surau khas lebih bagus. Untuk pesakit yang menunggu seperti waktu subuh mereka akan menumpang bilik doktor untuk ruangan solat*”.

Dapatan ini sejajar dengan kajian (Zakiah Jamaludin 2001) pihak pusat hemodialysis patut menyediakan ruangan solat yang khusus dan selesa mengikut keperluan kakitangan dan pesakit memandangkan pusat hemodialysis beroperasi setiap hari mengikut keperluan pesakit. Prasarana yang selesa juga memainkan peranannya yang tersendiri bagi proses penyembuhan penyakit yang dihadapi pesakit. Persekitaran sangat penting kepada kakitangan pusat hemodialysis dan pesakit kerana disitulah rumah kedua pesakita yang menerima rawatan setiap minggu mengikut giliran dan pesakit juga merupakan asnaf yang perlu dijaga keperluan mereka.

Seterusnya menjawab persoalan kesediaan pusat hemodialysis ini membangunkan konsep mesra ibadah daripada semua aspek, dan jawapan yang diberikan oleh informan kajian adalah seperti berikut; “...*Belum bersedia, kawasan untuk solat ada tapi tidak sempurna dan kecil, kawasan untuk rehat tidak ada*”.

“...*Ruangan menunggu memadai, tapi nak selesa perlu ruang untuk rawatan. Ruang rawatan selesa, ruang rehat hanya di pantry tapi tidak selesa juga sebab ianya adalah laluan*”.

“...*Tidak berapa selesa sebab ruang terlalu padat, contoh tempat solat pejabat hanya ada tirai, untuk pesakit yang duduk di atas kerusi roda ruangan ini sangat sempit. Ruang rehat lagi sempit hanya muat 2 orang sahaja. Ruang menunggu warispun agak sempit dan kurang selesa*”.

Daripada jawapan yang diberikan ini pusat hemodialysis ini perlu membuat penambahbaikan agar ruangan rehat kakitangan dan ruangan menunggu bagi keluarga lebih selesa dan memudahkan semua pihak di pusat hemodialysis. Oleh itu penambahbaikan adalah perkara wajar dilakukan oleh pihak pengurusan hemodialysis ini agar ianya menepati piawaian mesra ibadah dalam semua aspek.

## AMALAN IBADAH KETIKA SAKIT

Amalan ibadah merupakan satu jalan menuju keredaan Allah SWT yang wajib dilaksanakan oleh semua individu muslim dalam apa juga situasi dan keadaan. Ibadah solat mengandungi kaedah khas serta rukun dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi menyempurnakan ibadah yang dilaksanakan. Namun begitu terdapat situasi yang membenarkan individu muslim untuk menggunakan rukhsah sebagai alternative kepada masalah atau ujian yang dilalui dalam kehidupan seharian. Rukhsah merupakan keringanan yang dibenarkan oleh Allah SWT dalam melaksanakan ibadah wajib yang dipertanggungjawabkan ke atas individu mukmin yang mukallaf, apabila berlaku keuzuran yang tidak dapat dielakkan (Sayyid Sabiq, 1999 & Yusof Qaradhawi 1978 ).

Bagi pesakit dialisis, Islam membenarkan rukhsah ibadah solat mengikut kadar kemampuan pesakit dalam melaksanakannya ketika berada di pusat hemodialysis seperti solat dalam keadaan duduk atau baring. Hal ini berdasarkan kemampuan dan keadaan pesakit ketika mendapatkan rawatan. Manakala wuduk pula mengikut kemampuan dan keadaan mereka samada menggunakan air ataupun tayamum. Oleh itu pusat hemodialysis mesra ibadah hendaklah menyediakan prasarana yang lengkap agar dapat membantu pesakit dan kakitangan dalam melaksanakan ibadah wajib dalam menyampaikan khidmat perawatan kepada pesakit (Sharifah, 2017, Jabatan Mufti Negeri Melaka 2012).

Kelengkapan rukhsah ibadah yang disediakan serta ilmu pengetahuan yang diberikan oleh kakitangan di pusat hemodialysis mampu menarik minat pesakit hemodialysis untuk melaksanakan ibadah solat ketika sedang menerima rawatan. Namun begitu terdapat pusat hemodialysis yang tidak memenuhi piawai mesra ibadah dan seterusnya menyebabkan pesakit tidak melaksanakan ibadah ketika menerima rawatan di pusat hemodialysis. Hal ini menyebabkan pesakit serta kakitangan tidak melaksanakan ibadah solat ketika sakit dan ketika melaksanakan tugas sebagai kakitangan pusat hemodialysis.

Rukhsah ibadah merangkumi penyediaan kelengkapan prasarana untuk pesakit mendirikan solat ketika berada di pusat hemodialysis. Sebagai contoh penyediaan botol spray untuk memudahkan kakitangan membantu pesakit berwuduk ketika sedang mendapatkan rawatan, debu tayammum bagi memudahkan pesakit melaksanakan ibadah dalam semua situasi. Rukhsah yang diberikan oleh Islam memudahkan kakitangan pusat hemodialysis dan pesakit dalam melaksanakan ibadah solat yang merupakan kewajipan umat Islam dan wajib dilaksanakan dalam semua situasi dan keadaan (Aminudin Che Ahmad 2013, D.Nuzum et.al 2020). Namun begitu terdapat juga pusat hemodialysis yang tidak menyediakan kelengkapan ini dan kakitangan juga mempunyai pengetahuan yang rendah terhadap apa yang disediakan oleh Islam bagi membantu masyarakat secara umumnya.

Selain daripada rukhsah ibadah solat, pesakit juga boleh mengamalkan zikir-zikir tertentu dan doa-doa tertentu ketika sedang menerima rawatan di pusat hemodialysis ini. Pusat hemodialysis juga boleh memasang alunan ayat al quran atau zikir bagi halwa telinga pesakit sewaktu menerima rawatan, selain menenangkan ianya juga boleh membawa pesakit dan kakitangan untuk sama-sama mengingati Allah SWT dalam semua situasi dan keadaan. Hal ini secara tidak langsung memberi terapi dan memudahkan proses kesembuhan buat pesakit dalam menerima rawatan. Alunan ayat suci al quran ini dapat memberi ketenangan kepada



pesakit dan kakitangan pusat hemodialysis ketika menerima rawatan dan menyampaikan rawatan bagi petugas (Harmy Mohdamed Yusof 2013 & Norazliza Hasbullah 2011).

Terdapat juga pesakit yang tidak mengetahui cara melaksanakan ibadah solat ketika sakit. Hal ini kerana pesakit tidak mahu menunaikan ibadah solat menerima rawatan dengan pelbagai alasan atau lebih selesa meninggalkan ibadah solat tanpa ada rasa bersalah. Namun begitu perkara ini dapat diatasi dengan maklumat ataupun ilmu yang diperolehi oleh kakitangan pusat hemodialysis seterusnya dapat mendidik pesakit dengan ilmu mesra ibadah. Ilmu ini sangat penting bagi membawa pesakit kepada Allah SWT walaupun ketika sedang sakit.

Hal ini seperti sejajar dengan pandangan (Norasikin Mohamad Shariff 2021 & Jan Gremell 2020) bahawa pendidikan konsep mesra ibadah sangat penting dalam membantu pesakit serta kakitangan melaksanakan ibadah solat dalam semua situasi. Pengetahuan kakitangan terhadap hemodialysis mesra ibadah secara tidak langsung mampu membantu pesakit melaksanakan ibadah ketika sakit tanpa sebarang halangan serta yakin dengan rukhsah ibadah yang Allah SWT berikan kepada hambaNya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al Maidah ayat 6 yang bermaksud :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِّنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَٰكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهَّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ٦

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapulah sebahagian dari kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali dan jika kamu berjunub (berhadap besar) maka bersucilah dengan mandi wajib dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah (debu) yang bersih, iaitu: Sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur (Al Maidah : 6).

Melalui ayat ini jelas menunjukkan bahawa Islam meletakkan keringanan yang memudahkan umat Islam melaksanakan ibadah solat mengikut situasi mereka namun masih terdapat segelintir daripada pesakit mengabaikan keringanan ini. Hal ini berikutan ilmu pengetahuan mereka terhadap rukhsah ibadah sangat terhad dan kurang mengambil berat akan ibadah solat walaupun dalam situasi sakit. Begitu juga terdapat segelintir kakitangan pusat hemodialysis yang tidak mengetahui rukhsah ibadah solat ketika menyampaikan perkhidmatan kepada pesakit dan bagi kakitangan yang menjalankan tugas boleh melakukan keringanan ibadah mengikut situasi dan kecemasan yang mereka alami.

Perkara ini dapat diatasi seandainya kakitangan diberikan ilmu pengetahuan yang sepatutnya mereka mampu membantu pesakit untuk melaksanakan ibadah ketika sakit dan memudahkan proses penyembuhan pesakit. Pusat hemodialysis juga perlu menempatkan pegawai hal ehwal Islam bagi membantu kakitangan perawatan dalam menyampaikan khidmat mesra ibadah ketika pesakit memerlukannya. Pegawai hal ehwal Islam ini bertanggungjawab mengajar pesakit cara menunaikan ibadah solat ketika sakit dan membantu semua situasi pesakit ketika sakaratul maut di pusat hemodialysis. Penempatan pegawai hal ehwal Islam ini dapat membantu melancarkan semua urusan di pusat hemodialysis dan mendidik pesakit melalui

khidmat rawatan yang disampaikan. Peranan pegawai hal ehwal Islam sangat membantu kakitangan hemodialysis dalam menyampaikan perkhidmatan mesra ibadah( Nizaita Omar 2004 , Surina Mohd Shafi et.al 2020, Wahiba Abu-Ras et.al 2011) .

## **PRASARANA HEMODIALISIS**

Prasarana pusat hemodialysis mesra ibadah memainkan peranannya yang tersendiri dalam pembentukan hemodialysis mesra ibadah. Ruang yang luas dan memenuhi piawaian mesra ibadah sangat diperlukan bagi menghasilkan prasarana mesra ibadah. Prasarana ini terdiri daripada penyediaan surau serta debu tayamum bagi pesakit yang tidak boleh menggunakan air ketika mendapatkan rawatan dialysis, botol semburan wuduk bagi memudahkan pesakit untuk mengambil wuduk ketika menerima rawatan, telekung yang bersih juga diperlukan bagi keselesaan pesakit. Ruangan menunggu yang selesa dan ruangan solat bagi pesakit yang menunggu untuk mendapatkan rawatan (Ahmad Puhad Alim et.al 2010). Ruangan ini bukan hanya untuk pesakit bahkan untuk keselesaan ahli keluarga pesakit yang menemani pesakit ketika mendapatkan rawatan.

Ruangan yang selesa akan memudahkan pesakit dan waris untuk menunaikan ibadah solat dimana sahaja mereka berada. Penyediaan tandas yang mesra pesakit serta berhampiran dengan tempat pesakit menerima rawatan, ini bagi memudahkan pesakit dalam semua hal. Kemudahan buku panduan ibadah buat pesakit juga akan membantu pesakit melaksanakan ibadah ketika sakit, selain itu kemudahan al quran, al mathurat dan manzil juga dapat membantu pesakit tenang ketika menerima rawatan kerana dapat membaca sumber yang disediakan ini. Selain daripada itu televisyen juga memainkan peranannya yang tersendiri iaitu pesakit dapat mengetahui rukhsah melaksanakan ibadah solat ketika sakit melalui paparan skrin yang dimainkan apabila masuknya waktu solat disamping laungan azan juga dapat disiarkan setiap kali masuknya waktu solat (Zakiyah Jamaludin 2001). Namun begitu tidak semua pusat hemodialysis menyediakan kemudahan ini kerana ruang yang terhad dan lain-lain keadaan sehingga menyebabkan prasarana ini tidak dapat disediakan.

Prasarana pusat hemodialysis ini juga bukan hanya tertakluk kepada perkakasan yang disediakan malahan ruangan menunggu, dan ruangan solat yang selesa dan kondusif juga sangat diperlukan oleh pesakit dan kakitangan pusat hemodialysis. Penyediaan prasarana yang memenuhi piawaian mesra ibadah sangat membantu proses kesembuhan pesakit serta dapat memberi keselesaan kepada semua. Persekitaran yang bersih dan kondusif juga sangat penting bagi sesebuah premis yang menyampaikan khidmat perawatan, ini kerana keadaan sekeliling yang selesa memberi kesan dalam penyembuhan penyakit (Hamzah Jusoh et.al 2009). Oleh itu jelas disini bahawa prasarana premis pusat hemodialysis memainkan peranannya yang tersendiri dalam membangunkan hemodialysis mesra ibadah serta membantu proses kesembuhan pesakit. Hemodialysis yang kondusif , selesa serta mempunyai semua kelengkapan prasarana mesra ibadah amat membantu kakitangan dan pesakit ketika mendapatkan rawatan.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulanya amalan ibadah solat, rukhsah ibadah solat dan prasarana hemodialysis mesra ibadah merupakan keperluan mendesak masyarakat muslim pada hari ini. Berikutan ramainya pesakit yang memerlukan rawatan di pusat hemodialysis, ini menunjukkan pusat hemodialysis

umpama rumah kedua bagi pesakit kerana hari-hari dalam hidupnya perlu menjalani rawatan. Meskipun agak sukar dengan ruang premis yang terhad, pihak pengurusan tertinggi pusat hemodialysis perlu mengambil cakna akan perkara ini agar hemodialysis mesra ibadah terlaksana dan kebajikan pesakit dan kakitangan dalam melaksanakan ibadah wajib terpelihara. Ibadah wajib ini bukan sahaja kewajipan bagi pesakit dan kakitangan untuk memeliharanya bahkan pihak pengurusan perlu menambahbaik dari sudut ruang solat premis untuk kakitangan dan pesakit yang menunggu seterusnya menghantar kakitangan untuk mendapatkan latihan mesra ibadah secara berkala pada setiap tahun. Jika keperluan ini dipenuhi konsep mesra ibadah dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh pusat hemodialysis beridentiti Islam ini. Pusat hemodialysis bukan sahaja menyediakan perkhidmatan rawatan kepada pesakit bahkan memberikan keselesaan kepada pesakit beribadah dalam semua keadaan sehingga akhir hayat mereka. Program mesra ibadah bukan sahaja memenuhi aspek kerohanian pesakit tetapi mengetengahkan perkhidmatan sokongan spiritual melalui kakitangan terlatih.

## RUJUKAN

Al- Quran

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2012. *Memahami kuantitatif dan kualitatif dalam penyelidikan pengajian Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Uniersiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad Puhad Alim & Siti Roddiah Abdullah. 2010. Audit pengurusan masjid: kajian di Daerah Pasir Puteh Kelantan. *Journal Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*. Vol 1. Issue 7.
- Aminuddin Che Ahmad. 2013. Practical aspect of ibadah frendly hospital. 9<sup>th</sup> International Seminar and Workshop Spiritual Supports in Patients Care. Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Mosque Selangor Darul Ehsan.
- Burn, R.B. 1995. *Introduction to research methods*, Melbourne, Longman.
- Chua Yan Piaw .2011. *Kaedah penyelidikan buku 1 edisi kedua* , Mc Graw Hill Education, Malaysia.
- Corrine Glesne. 1999. *Becoming qualitative researchers : An introduction*. Longman Publication.
- D. Nuzum, B. Fetgerald, M.J.Eavans, K.O'Donoghue. 2020. Maternity healthcare chaplains and perinatal post-mortem support and understanding in the united kingdom and Ireland : An exploratory study. *Journal of religion and health*. <https://doi.org/10.1007/s10943-020-01176-4>
- Garis panduan amalan pengubatan dan perbomohan menurut Islam. 2012. Jabatan Mufti Negeri Melaka, Cetakan Pertama.
- Hamzah Jusoh & Habibah Ahmad. 2009. Keefisienan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di wilayah bandaraya Kuala Lumpur : Perspektif Komuniti. *Malaysian Geografia Online. Journal Of Society and Space*. 5 Issue 1 (54-68).
- Harmy Mohamed Yusoff. 2013. Peranan jururawat dalam membantu melaksanakan ibadah pesakit. Kertas Kerja Seminar Kejururawatan Mesra Ibadah, Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz, Shah Alam Selangor.
- Jan Grimell. 2020. Military Chaplaincy in Sweden: An temporary perspective. *Journal of health care chaplaincy*. <http://doi.org/10.1080/08854726.2020.1745490>
- Norasikin Mohd Shariff. 2021. The need Off Muslim Chaplains in Hospital-Based sevice in Malaysia: A Scoping review of literature. *International Journal of care scholar*: 4(2)

- Norazliza Binti Hasbullah. 2011. *Pelaksanaan ibadah pesakit wanita di Hospital Universiti Sains Malaysia*. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nizaita Omar. 2004. *Pelaksanaan ibadah solat bagi pesakit: Kajian hukum berdasarkan realiti semasa*. Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Othman Lebar. 2015. *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.
- Sayyed Sabit. 1999. *Fiqh sunnah juz Al- awal*. Dar Al- Fathi Lil I'lam Al- A'rabi. Khaherah Mesir.
- Sharifah Binti Hamzah, 2017. *Pelaksanaan Hospital Mesra Ibadah di Hospital PUSRAWI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surina Muhamad Shafi, Muhd Zulkifli Awang, Nurul Aisyah Amir Ramli, Izzati Aminah Subhan, Ishak Mas'ud. 2021. *Pelaksanaan Amalan Chaplain Muslim di Hospital Mesra Ibadah*. *Ulum Islamiyah. The Malaysian Journal of Islamic Sciences*. Vol 33 55. ISSN 2289-4789
- Wahiba Abu-Ras, Lance Laird. 2011. *How muslim and non muslim Chaplains serve the muslim patient? Does the interfaith chaplaincy model have room for muslims' experience?* *Journal religion Health*, 50:46-61. <http://doi.org/10-107/s10943-9357-4>
- Yin, R.K. 1994. *Case study research: design and methods*. 2<sup>nd</sup> ed. Thousand Oak, Calif: Sage.
- Yusof Qardhawi. 1978. *Ibadah dalam Islam*. Terj. Hasan bin Idris. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Zakiyah Jamaluddin. 2001. *Kepuasan terhadap perumahan dan sistem perumahan berkonsepkan Islam*. Sekolah Pembangunan Sosial Universiti Utara Malaysia.